

DATE: 11/6/2010

BH - 11/06/2010

# Umur lima tahun masuk prasekolah dipertimbang

## Langkah perkasa pembangunan awal pendidikan kanak-kanak

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan menimbang untuk mengurangkan umur persekolahan formal daripada enam kepada lima tahun pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tertakluk kepada kemampuan kerajaan.

Langkah itu akan meningkatkan akses kepada pendidikan formal bagi memperkasakan pembangunan awal kanak-kanak.

Justeru, penyertaan kanak-kanak berumur empat hingga lima tahun dalam pendidikan prasekolah akan ditingkatkan daripada 67 peratus pada 2010 kepada 87 peratus pada 2012.

Sasaran itu akan dicapai menerusi penambahan kelas prasekolah di sekolah rendah kerajaan, selain menyediakan galakan termasuk insentif RM10,000 kepada sektor swasta yang menubuhkan institusi pendidikan berkenaan.

Usaha memperhebatkan kualiti guru prasekolah turut ditekankan dengan meningkatkan syarat kelayakan kepada diploma dan sarjana muda selaras hasrat menjadikan profesion itu sebagai kerjaya pilihan calon cemerlang.

### Rangka Kerja Pembangunan Modal Insan Bersepadu

|             | Pendidikan Awal Kanak-kanak   | Prasekolah | Pendidikan Asas | Pendidikan Tertiari  | Alam Pekerjaan | Pesara / Kerjaya Kedua   |
|-------------|---|------------|-----------------|--|----------------|--|
| <b>Umur</b> | 0+  | 4+         | 5+ / 4+         | 17+  |                | 20+  |
| <b>Tema</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya</li> <li>Menjadikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar</li> <li>Membuat pelaburan ke atas pemimpin unggul di setiap sekolah</li> <li>Meningkatkan daya tarik profesion keguruan dan menghasilkan guru terbaik</li> </ul> |            |                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengarusperdanakan dan memperluas TEVT</li> <li>Meningkatkan kompetensi siswazah</li> </ul> |                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempercepatkan penyusunan semula pasaran pekerjaan</li> <li>Menarik dan mengekalkan bakat terbaik</li> <li>Meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada</li> </ul> |
|             | Merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan  |            |                 | Meningkatkan kemahiran untuk meningkatkan keupayaan mendapat kerja   |                | Menyusun semula pasaran pekerjaan untuk mengubah Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi  |

Usaha peningkatan kualiti pelajar yang lain ialah:

- Nisbah guru siswazah di sekolah rendah ditingkatkan daripada 28 peratus kepada 60 peratus

- Pertimbangan lulusan Unified Examination Certificate yang ada Sijil Pelajaran Malaysia mengikuti program

bahasa Cina di institut pendidikan guru

- Peluang diberi lulusan Sijil Menengah Agama atau Sijil Tinggi Agama menjadi guru pendidikan agama Islam dan j-QAF.

- Sekolah Amanah atau Trust School diperkenalkan bagi perkongsian pengurusan se-

kolah kerajaan yang terpilih

- Peruntukan RM280 juta disalurkan dalam tempoh 2011 dan 2012 bagi ubah suai dan naik taraf sekolah bantuan modal.

- Peruntukan tambahan RM70 juta kepada setiap kategori sekolah bantuan modal dalam tempoh sama.